

Headline	Pokok lasak liar untuk landskap bandar raya		
MediaTitle	Utusan Sarawak	Color	Full Color
Date	04 Oct 2012	Circulation	37,981
Section	TEMPATAN	Readership	113,943
Page No	1,2	ArticleSize	127 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 474
Journalist	N/A	PR Value	RM 1,422
Frequency	Daily		



## Pokok ‘lasak’ liar untuk landskap bandar raya

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Rabu — Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) merancang untuk membawa pokok-pokok ‘lasak’ yang hidup subur di hutan sebagai menambah nilai landskap yang sedia ada di kawasan bandar raya ini.

Datuk Bandarnya, Datuk Haji Abang Abdul Wahap Haji Abang Julai (**gambar**) berkata, DBKU akan melakukan transformasi dari segi prasaranan landskapnya pada masa depan.

“Kita akan melakukan perubahan ini secara peringkat kerana kita tidak mahu kawasan persekitaran kita ‘botak’ begitu sahaja,” ujarnya dalam sidang media selepas menghadiri Persidangan Perutanan Bandar 2012 di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Kata Wahap, DBKU akan mendapatkan nasihat dan pandangan daripada pakar-pakar Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) atau pihak berkaitan untuk melaksanakan program berkenaan.



“Kita akan mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk menempatkan pokok-pokok hutan terutama di kawasan yang sering berlaku masalah pokok tumbang,” katanya.

Dalam pada itu, Wahap mengalui-alukan kerjasama masyarakat setempat membersihkan kawasan landskap sambil mengumpul daun-daun kering untuk dijual semula kepada DBKU.

“Kita ingin melibatkan masyarakat dalam program menjaga alam sekitar agar masyarakat dapat hidup dalam suasana ceria,” ujarnya.

Menurutnya, setiap pihak berkuasa tempatan mempunyai petunjuk pretasi utama (KPI) yang harus dipatuhi antaranya dalam sektor menanam pokok untuk menghijaukan alam semula jadi.

SILAHKAN BACA MASA DEPAN